KLIFF 2026
MUZAKARAH
Penasihat Syariah Kewangan Islam

UNDANG-UNDANG DALAM TRANSAKSI KEWANGAN ISLAM ANTARABANGSA:

PRINSIP, ISU DAN CABARAN

Dr. Syed Adam Alhabshi

Ketua Kumpulan Praktis Kewangan Islam| Raja, Darryl & Loh

PRINSIP ASAS TRANSAKSI RENTAS SEMPADAN

Prinsip-Prinsip Rentas Sempadan

Perkara asas yang perlu diputuskan sebelum transaksi dimuktamadkan

Transaksi Rentas Sempadan

Autonomi pihak
Kebebasan pihak-pihak memilik undang-undang yang mentadbir.

Konflik undang-undang
Pertindihan antara sistem undang-undang berbeza

Bidang kuasa
Menentukan mahkamah atau tribunal yang mempunyai kuasa untuk mendengar dan memutuskan pertikaian

Pengiktirafan dan penguatkuasaan
Sama ada penghakiman atau award timbang tara boleh diiktiraf dan dikuatkuasakan di bidang kuasa lain

Skop nasihat peguam
Peguam lazimnya hanya menasihati undang-undang bidang kuasa masing-masing

Lapisan Tambahan: Pematuhan Syariah

Transaksi rentas sempadan sememangnya kompleks, dan keperluan untuk mematuhi prinsip Syariah menambah satu lagi lapisan pertimbangan dan kerumitan.

Lapisan 1
Undang-undang sivil

- Undang-undang yang mentadbir
- Bidang kuasa dan forum penyelesaian pertikaian
- Konflik undang-undang
- Pengiktirafan dan penguatkuasaan penghakiman

+

Lapisan 2
Keperluan Syariah

- Struktur dan aset asas
- Dokumentasi patuh Syariah
- Piawaian / kelulusan berkaitan
- Rujukan penasihat Syariah

Struktur perlu sah di sisi undang-undang sivil dan pada masa yang sama patuh Syariah

INTERAKSI UNDANG-UNDANG SIVIL DAN PRINSIP SYARIAH

Apabila Persoalan Syariah Timbul

Apakah kedudukan Syariah yang terpakai dan siapa yang menentukannya?

SYARIAH
Prinsip dan sumber hukum

FIQH
Tafsiran perundangan manusia untuk memahami dan menentukan hukum Syariah

Faqih
Penaakulan Faqih untuk mencapai pandangan yang paling tepat

Implikasi kepada Mahkamah Sivil:

Apabila sesuatu pertikaian kewangan Islam dibawa ke mahkamah sivil, hakim perlu mengadili pertikaian tersebut dari perspektif Syariah.

Hakim mahkamah sivil bukan seorang **Faqih** dan mungkin tidak mempunyai kepakaran untuk menentukan **Fiqh yang terpakai**.

Hakim Sivil ≠ Faqih

Mahkamah sivil menentukan pertikaian, tetapi persoalan Fiqh memerlukan kepakaran Syariah.

1 Pertikaian

• Kontrak/pembiayaan Islam dipertikaikan di mahkamah sivil

2 Persoalan Syariah

• Isu pematuhan atau kedudukan Fiqh timbul dalam pertikaian

3 Keperluan Kepakaran

• Rujukan kepada jurist/badan berautoriti mengurangkan ketidakpastian

Bank Islam Malaysia Bhd v Lim Kok Hoe & Anor

Mahkamah Rayuan menegaskan bahawa hakim sivil tidak sepatutnya sendiri menentukan sama ada sesuatu perkara menepati Islam, isu sedemikian memerlukan jurist yang berkelayakan.

Soalan Praktikal

Apabila pertikaian berada di hadapan mahkamah sivil, siapakah yang berautoriti menentukan kedudukan Syariah?

PILIHAN UNDANG-UNDANG, BIDANG KUASA DAN ISU PENGUATKUASAAN

Malaysia: Mekanisme Institusi bagi Isu Syariah

Apabila persoalan Syariah timbul, Malaysia mempunyai badan rujukan formal untuk kewangan Islam.

SAC BNM

Autoriti penentuan hukum Syariah

Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701)

Mahkamah & Penimbang Tara

Boleh mengambil kira keputusan SAC atau merujuk persoalan Syariah

Institusi Kewangan Islam

Boleh merujuk ruling atau mendapatkan nasihat SAC

Kesan Rujukan

Keputusan SAC mengikat mahkamah atau penimbang tara yang membuat rujukan

SAC mengatasi konflik

Jika keputusan jawatankuasa Syariah berbeza, keputusan SAC mengatasi

Malaysia menyediakan jawapan institusi kepada masalah "hakim sivil bukan Faqih".

Bidang Kuasa Asing Tiada Mekanisme Serupa

Dalam transaksi rentas sempadan, undang-undang pilihan mungkin tidak menyediakan rujukan Syariah formal.

Siapa menentukan Syariah dan bagaimana prinsip itu diberi kesan undang-undang?

Risiko praktikal

- Tiada badan rujukan Syariah yang setara
- Mahkamah awam mungkin perlu menafsir rujukan Syariah
- Rujukan umum tidak menentukan mekanisme

?

Kontrak perlu jawab

- Peraturan Syariah yang spesifik
- Badan / standard yang dirujuk
- Kesan undang-undang dan mekanisme penguatkuasaan

Persoalan ini membawa kita kepada Shamil Bank v Beximco

Shamil Bank of Bahrain EC v Beximco Pharmaceuticals Ltd [2004] EWCA Civ 19

Kes ini menunjukkan risiko apabila klausa governing law merujuk secara umum kepada Syariah.

Ringkasan kes

- Pembiayaan melibatkan struktur Murabahah dan Ijarah
- Peminjam berhujah bahawa perjanjian hanya boleh dikuatkuasakan jika sah menurut undang-undang Inggeris dan prinsip Syariah
- Peminjam mendakwa bahawa struktur Murabahah dan Ijarah tersebut pada hakikatnya merupakan pinjaman berfaedah yang bercanggah dengan larangan riba.
- **Mahkamah menolak hujah tersebut kerana undang-undang Inggeris merupakan undang-undang yang mentadbir, dan rujukan umum kepada Syariah tidak cukup khusus untuk memberikan prinsip tersebut kesan kontraktual.**

"Subject to the principles of the Glorious Sharia'a, this Agreement shall be governed by and construed in accordance with the laws of England."

Klausa undang-undang yang mentadbir

Beximco: Rujukan Umum kepada Syariah Tidak Mencukupi

Pengajaran utama daripada Beximco ialah masalah draf, bukannya bahawa prinsip Syariah tidak boleh mempunyai kesan dalam kontrak yang ditadbir oleh undang-undang Inggeris.

× Masalah draf

Rujukan umum kepada “prinsip-prinsip Syariah” tidak mengenal pasti peraturan tertentu yang hendak terpakai.

Rujukan sedemikian tidak, dengan sendirinya, mengatasi undang-undang pilihan

✓ Penyelesaian Draf

Keperluan Syariah hendaklah diperuntukkan secara jelas dalam kontrak atau melalui mekanisme rujukan yang bersesuaian.

Kesimpulan: Jika keperluan Syariah hendak diberikan kesan kontraktual, ia mesti dinyatakan dengan spesifik dan disokong oleh mekanisme yang boleh dikuatkuasakan.

Cadangan Richard Malanjum CJ dalam JRI Resources v Kuwait Finance House (Malaysia)*

Mempersoalkan kesan mengikat secara berkanun SAC

Kebimbangan Richard Malanjum CJ terhadap s.57 ABNM 2009

- Keputusan SAC mengikat Mahkamah Tinggi
- Mahkamah tidak bebas untuk berbeza pandangan
- Keputusan SAC telah secara efektif menentukan hak dan obligasi pihak-pihak dalam pertikaian.

Pandangan Richard Malanjum CJ

- SAC boleh membantu mahkamah melalui kepakarannya
- Keputusan SAC boleh diberikan pertimbangan yang sewajarnya.
- Mahkamah kekal sebagai penentu akhir

Persoalannya ialah kesan mengikat melalui statut berbanding kesan melalui persetujuan kontrak.

JRI Resources Sdn Bhd v Kuwait Finance House (Malaysia) Berhad [2019] MLJU 275, [59], [77]–[82]

Cadangan yang dikemukakan oleh Richard Malanjum CJ: “Conclusive Evidence Clause”

Cadangan beliau

“The agreement may also include a form of “conclusive evidence clause”, stating that the determination of the SAC is conclusive evidence of the position of Shariah law. In such a case, the court should give effect to the agreement between the parties, and is not at liberty to go behind the determination to question its correctness…”

— Richard Malanjum CJ, JRI Resources [2019] MLJU 275, [78]

Mekanisme yang dicadangkan

1. Pihak-pihak bersetuju bahawa persoalan Syariah dirujuk kepada SAC.
2. Pihak-pihak bersetuju untuk terikat dengan penentuan SAC.
3. Mahkamah memberi kesan kepada persetujuan kontrak tersebut.

Keputusan SAC mengikat kerana pihak-pihak telah bersetuju untuk terikat dengannya, dan bukannya kerana ia diperuntukkan demikian oleh Parlimen.

Relevan dalam Transaksi Rentas Sempadan ✈ ⚖

Penerapan cadangan Richard CJ boleh membantu dalam transaksi rentas sempadan, khususnya apabila prinsip undang-undang yang terpakai berbeza daripada kerangka undang-undang di Malaysia.

Daripada rujukan umum kepada "Syariah" → kepada → Mekanisme kontraktual yang jelas.

1 **Siapa menentukan?**

Kenal pasti badan/autoriti Syariah yang akan menentukan persoalan Syariah.

2 **Apakah piawaiannya?**

Nyatakan prinsip, piawaian atau sumber rujukan Syariah yang hendak digunakan.

3 **Apakah kesannya?**

Nyatakan sama ada penentuan tersebut mengikat, menjadi bukti muktamad, atau menjadi asas kepada remedi.

Kaitannya dengan Beximco: jangan sekadar menyebut "tertakluk kepada Syariah"; nyatakan cara persoalan Syariah ditentukan dan kesan undang-undangnya.

Klausa Pematuhan Syariah

Pihak-pihak yang memasuki sesuatu perjanjian kewangan hendaklah bersetuju terlebih dahulu mengenai empat (4) perkara berikut:

1. **Bahawa semua keputusan [*institusi Syariah seperti SAC*] (yang diterbitkan atau dirujuk) adalah mengikat mereka;**

2. **Bahawa kemudahan dan dokumen berkaitan adalah patuh Syariah;**

3. **Bahawa pihak penghutang tidak akan membangkitkan sebarang isu atau mencabar perjanjian kemudahan atas alasan ketidakpatuhan Syariah; dan**

4. **Bahawa pihak penghutang bersetuju dengan apa-apa pindaan kepada dokumen setakat yang perlu oleh pemiutang bagi memastikan dokumen tersebut kembali mematuhi Syariah.**

PERANAN PIAWAIAN ANTARABANGSA

AAOIFI • IFSB • IsDB • Bank Pusat

Badan Utama dalam Piawaian Kewangan Islam

Peranan mereka berbeza: ada yang menetapkan piawaian, ada yang mengawal selia, dan ada yang menyokong pembangunan industri.

AAOIFI

Piawaian Syariah & Tadbir Urus

Mengeluarkan piawaian Syariah, perakaunan, audit, tadbir urus dan etika untuk institusi kewangan Islam.

IFSB

Piawaian Prudensial Global

Mempromosi kestabilan industri melalui piawaian prudensial dan prinsip panduan bagi perbankan Islam, pasaran modal dan takaful.

IsDB

Pembiayaan Pembangunan

Bank pembangunan pelbagai hala yang menyokong pembangunan ekonomi dan sosial melalui struktur pembiayaan patuh Syariah.

BANK PUSAT

Pelaksanaan Tempatan

Menterjemah piawaian global ke dalam rangka kerja domestik, mengeluarkan garis panduan dan menyelia pematuhan industri.

TIMBANG TARA
SEBAGAI ALTERNATIF

Forum penyelesaian pertikaian yang boleh ditentukan atau digubal oleh pihak-pihak

Mengapa Memilih Timbang Tara?

Alternatif praktikal untuk pertikaian kewangan Islam rentas sempadan.

Pihak-pihak boleh memilih forum, pakar dan proses yang sesuai dengan transaksi mereka.

⚖ Kepakaran khusus

Penimbang tara / pakar kewangan Islam

🧩 Fleksibiliti

Prosedur dan jadual

🤝 Hubungan komersial

Proses lebih terkawal

🔒 Kerahsiaan

Maklumat sensitif dilindungi

⏱ Kecekapan masa

Jadual boleh dikawal

Kos terkawal

Skop isu dan pendengaran boleh diurus

Halangan penguatkuasaan

Penguatkuasaan award patuh Syariah masih boleh menjadi titik kritikal, khususnya merentas bidang kuasa.

Proses ini memerlukan usaha yang diselaraskan daripada semua pihak berkepentingan bagi memastikan award tersebut diiktiraf dan dikuatkuasakan merentas bidang kuasa.

Apakah yang Perlu Dilakukan oleh Pihak-Pihak?

Pihak-pihak hendaklah memastikan award timbang tara patuh Syariah dapat dikuatkuasakan melalui penggubalan perjanjian yang teliti serta pertimbangan strategik yang sewajarnya.

1 Draf yang boleh dikuatkuasakan

- Klausa timbang tara jelas dan tidak mengelirukan
- Gunakan bahasa yang jelas, praktikal dan mudah dilaksanakan, tanpa kerumitan teknikal yang tidak perlu.
- Kesesuaian dengan kompleksiti perkara.

2 Undang-undang dan piawaian

- Nyatakan prinsip atau piawaian Syariah
- Jelaskan kuasa tribunal, termasuk keputusan secara saksama jika dikehendaki
- Rujuk piawaian institusi lain yang sesuai

3 Tempat Timbang Tara

- Pilih tempat timbang tara yang dapat mengurangkan risiko penguatkuasaan
- Mesra kepada timbang tara dan isu Syariah
- Semak kedudukan bidang kuasa penguatkuasaan

Reka bentuk klausa timbang tara, undang-undang yang mentadbir dan seat boleh memberi kesan kepada pengiktirafan dan penguatkuasaan award merentas bidang kuasa.

AIAC: Kerangka ADR untuk Pertikaian Kewangan Islam

Contoh institusi ADR antarabangsa yang menyediakan kaedah dan dokumen khusus untuk transaksi patuh Syariah.

AIAC

Asian International Arbitration Centre

1 Kaedah Timbang Tara Islam AIAC

- Kaedah timbang tara yang dipandu oleh prinsip Syariah
- Terpakai jika pihak-pihak merujuk kepadanya dalam kontrak
- Tribunal boleh merujuk isu Syariah kepada Majlis Syariah atau Pakar Syariah

2 Borang Kontrak Binaan Standard Islam

- Borang standard AIAC bagi projek pembinaan
- Mengiktiraf sifat kontrak patuh Syariah
- Menyediakan laluan penyelesaian pertikaian

Institusi ADR boleh menyediakan prosedur dan dokumen yang lebih sesuai untuk transaksi patuh Syariah.

Jazakallahu Khair

Soalan & Perbincangan

Dr. Syed Adam Alhabshi
Raja, Darryl & Loh
adam@rdl.com.my